



# **E// PENYERAHAN WATIKAH PENUBUHAN PBSMM CABANG KUKUM**

**Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Cabang KUKUM** telah ditubuhkan dengan rasminya pada 7 Ogos lalu apabila En. Wan Azhar wakil dari PBSMM Kebangsaan mewakili Y.A.B Dato Seri Shahidan Kassim Menteri Besar Perlis, menyerahkan Watikah Penubuhan Cabang PBSMM kepada Lt. Kol Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin selaku Rektor dan Pengurus Cabang PBSMM KUKUM. Majlis yang diadakan di Kampus Kubang Gajah, Arau itu turut dihadiri oleh Dato' Hj. Bahari Hj. Taib, Pengurus Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Negeri Perlis.

Antara lain matlamat penubuhan PBSMM KUKUM ialah untuk membentuk, mananam dan membentuk sikap sukarela di kalangan warga KUKUM. Satu bengkel '*Capacity Building*' turut diadakan pada sesi sebelah petang yang bertujuan untuk menyuntik semangat kesukarelawan dan memupuk kesedaran tentang tanggungjawab dan harapan dalam membangunkan persatuan pada masa akan datang.